

DOKTRIN KENISBIAN NILAI PRAGMATISME: RESPONS KRITIS PEMIKIRAN ISLAM

Azmil Zainal Abidin¹

¹Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

¹Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Pragmatisme Sebagai Falsafah Amerika

Perkembangan Amerika Syarikat sebagai negara yang bebas merdeka pada abad ke-18 telah mendorong kemunculan idea dan budaya baru yang bercirikan Amerika. Namun, falsafah acuan Amerika tersebut memerlukan dua ratus tahun berikutnya pula untuk ia dikenali dan menarik perhatian dunia.¹⁹ Sebagai pembebasan daripada pengaruh jalur Idealisme British menurut Thomas Moore dan Bertrand Russell, para pemikir Amerika melihat bahawa falsafah tidak berupaya menangani bentuk cabaran yang dihadapi oleh pemikir Zaman Pencerahan. Telahan mereka, kepastian dalam falsafah gagal dicapai dengan hanya menganalisis kejadian wujud ini melalui pemaparan metafizik tanpa bercirikan aktiviti yang bersifat praktikal. Justeru, mereka mengalihkan orientasi falsafah yang berperanan menangani persoalan praktikal. Segala solusi bersifat sementara dan bakal diuji, sekaligus menjadi kunci jawapan baru bagi falsafah.

Pragmatisme dilatari oleh roh dan semangat kehidupan di Amerika. Ia tegas menolak pemisahan mutlak antara teori dan praktik. Tiada tinjauan teoritikal yang benar-benar terpisah dengan kepentingan hidup dan kebahagiaan manusia. Sebagaimana nilai kehidupan itu sendiri, agenda yang bermanfaat bagi manusia juga turut bersifat terbuka dan serba tidak menentu. Alam sejagat ini bersifat pluralistik atau beraneka ragam. Seluruh pengalaman yang dilalui oleh manusia tidak mungkin dapat ditangani dengan suatu set teori atau peraturan tertentu.

Justeru, antara bentuk kesilapan berfikir – menurut John Dewey – adalah mencari jawapan sahih yang tunggal bagi persoalan metafizik. Istilah “realiti” atau “hakikat kenyataan” umpamanya tidak mengandungi makna yang jelas sehinggalah ia dapat dihubungkan dengan aspek amali manusia. Ini kerana apa sahaja jawapan bagi isu metafizik tentang hakikat alam ini – sama ada ia benar-benar wujud atau ilusi semata-mata – tidak memberi sebarang impak atau perbezaan praktikal dalam hidup manusia. Pertanyaan yang perlu ditimbulkan bukan “adakah Tuhan itu wujud?” – lantaran jawapannya yang tidak mempunyai nilai praktikal –, namun apa yang lebih wajar dipersoalkan adalah “patutkah saya percaya bahawa Tuhan itu wujud?”, lantaran kerana jawapannya dapat memberikan kesan praktikal yang besar terhadap bentuk kehidupan yang harus dilalui oleh seseorang.²⁰ Kemungkinan falsafah Dewey mencerminkan “peluang tidak terbatas” – menurut janji demokrasi liberal Amerika – melalui penggunaan metode logik sebagai alat penyelesaian masalah, berbanding pembimbing kepada kebenaran abadi.²¹

Lewat abad ke dua puluh, Richard Rorty cuba mengubahsuai falsafah ini menurut ilmu linguistik. Beliau menafikan keupayaan bahasa dalam mewakili sesuatu item. Kajian struktur linguistik beliau mendedahkan bentuk hubungan yang praktikal dalam berinteraksi dengan realiti. Sebagaimana James, beliau turut percaya bahawa falsafah tidak memapar atau menayangkan tabii sesuatu. Baginya, tidak wujud perspektif metafizik yang bersifat mendasar dan komprehensif. Sebaliknya, tafsiran terhadap kehidupan di dunia ini perlu sentiasa terbuka

¹⁹ Bryan Magee, *The Story of Philosophy* (London: Dorling Kindersley, 2016), h. 186.

²⁰ Eugene Kelly, *The Basics of Western Philosophy* (New York: Humanity Books, 2007), h. 128-130.

²¹ Bryan Magee, h. 95.

untuk diuji dan dieksperimenkan agar benar-benar memuaskan. Seiring dengan pengalaman dan pemikiran manusia yang semakin berkembang, maka kepercayaan yang diperlukan dalam berinteraksi dengan perkara dan persoalan baru ini juga perlu lebih meluas dan bertambah inklusif. Meskipun kebenaran muktamad tentang segala perkara gagal ditemukan, namun James menggesa agar manusia terus nekad dan berani menghadapi alam semesta yang dinamik ini.²²

Tokoh Utama Dalam Perkembangan Pragmatisme

Pragmatisme dipelopori oleh Charles Peirce, William James dan John Dewey. Idea asasnya ialah kesinambungan minda dengan alam semula jadi, pengetahuan sebagai bentuk adaptasi biologi dan sosial manusia serta keunggulan metode saintifik.²³ Prinsip utama Pragmatisme yang disepakati oleh ketiga-tiga tokoh ini ialah bahawa kesahihan sesuatu idea itu diukur menurut kadar faedah yang menyusulinya. Apa yang menjurus kepada solusi masalah dianggap benar.²⁴

Charle Sanders Peirce (1839-1914)

Gagasan utama Peirce adalah bahawa pengetahuan merupakan suatu aktiviti. Manusia terdorong untuk mengetahui dan menyasiat lantaran kerana suatu keperluan, kekurangan atau keraguan. Ini menyebabkan manusia menilai situasi untuk menangani permasalahan tersebut. Melalui karya *How to Make Our Ideas Clear* (1878), Peirce berhujah bahawa untuk memahami sesuatu istilah dengan jelas, kita harus bertanya kepada diri kita sendiri berhubung perbezaan yang bakal terhasil melalui penilaian atau solusi kita terhadap masalah dan situasi yang dihadapi. Perbezaan tersebut menjadi makna bagi istilah tersebut. Demikianlah, Peirce mengemukakan pragmatisme sebagai metode untuk menegaskan makna bagi istilah yang pelbagai. Dalam erti kata lain, ianya menjadi teori tentang makna.²⁵

Secara asasnya, Peirce menekankan persoalan teori sains dan epistemologi, namun melihatnya dalam konteks kehidupan praktikal. Antara fokus utama beliau adalah teori simbol (semiotik), lantaran proses epistemologi banyak merujuk kepada konsep dan idea yang turut melibatkan tanda linguistik. Beliau melihat konsep sebagai aturan tingkah laku manusia. Setiap konsep mempunyai “kedudukan” yang sedia diinteraksi dan dimanfaatkan demi mencetuskan kesan tertentu. Aturan tingkah laku manusia adalah konsep bagi keseluruhan rangkaian hubungan kait dan kesan yang terhasil. Contohnya, konsep “kesukaran” dapat difahami jika kita tahu bagaimana perkara tertentu bereaksi terhadap gangguan tertentu, juga tahu apa tindakan yang harus dilakukan serta apa akibat yang bakal timbul ketika menghadapi kesukaran. Makna bagi pernyataan tertentu dinilai menurut kadar pembuktiannya dengan cara tertentu. Hal ini melibatkan persoalan yang dianggap mengimplikasikan perbezaan persepsi dan tindakan di sebalik kebenaran atau kepalsuan sesuatu pernyataan itu. Justeru, tiada kebenaran yang bersifat mutlak. Sesuatu konsep itu tidak lebih daripada suatu perkaitan dengan konteks yang berstruktur dalam jalinan rangkaian tertentu tanpa berstrukturkan kemutlakan. Melalui tafsiran terhadap teori dan konsep menurut signifikasi praktikal ini, Peirce dianggap pelopor Pragmatisme.²⁶

Menurut perspektif saintis, perbincangan falsafah tentang pengetahuan dan kebenaran lebih berupa perdebatan kata-kata berbanding realiti kehidupan di alam nyata. Menurut Peirce, siasatan falsafah sering terperangkap dalam konsepsi yang tidak mempunyai faedah praktikal.

²² Eugene Kelly, h. 130 & 131.

²³ T.Z.Lavine, *From Socrates to Sartre: The Philosophic Quest* (New York: Bantam Books, 184), h. 417

²⁴ Muhammad Marwan Rashwan, *Madkhal ila Dirasah al-Falsafah al-Mu`asarah* (Kaherah: Dar al-Thaqafah, 1984), h. 69.

²⁵ Bryan Magee, h. 186 & 187.

²⁶ Christoph Delius, *The Story of Philosophy: From Antiquity to the Present* (Cologne: Konemann, 2000), h. 95.

Sebaliknya, beliau menyarankan agar “dipertimbangkan kesan praktikal dari objek bagi konsepsi anda, lantas konsepsi anda terhadap kesan itu adalah merupakan keseluruhan konsep anda tentang objek itu sendiri”. Pragmatisme tidak mengutamakan kebenaran sesuatu pernyataan, lantaran ukuran kebenarannya merujuk kepada aplikasi praktikalnya. Pengetahuan bukan terbentuk daripada kebenaran dan kepastian, tetapi berdasarkan keterangan sah yang dapat diganti atau diperbaiki apabila ianya tidak lagi sah atau berguna.²⁷

Menurut Peirce, pengenalan lengkap sesuatu konsep dapat diperolehi jika keabsahan atau kepalsuannya dapat dipastikan melalui analisis tepat terhadap fenomena yang dapat ditaakul dan dieksperimenkan tersebut. Perspektif ini dilihat menekankan kemantapan makna sesuatu konsep atau kepercayaan melalui dominasi linguistik. Fungsi efisiennya adalah menyaring sesuatu proposisi penghujahan agar benar-benar bermakna sebagai “metafizik saintifik”. Kebiasaannya, hujah metafizik tidak mewakili idea yang terbukti mempunyai nilai atau signifikasi praktikal. Tegasnya lagi, metafizik saintifik adalah disiplin yang bercirikan pemerhatian dan berasaskan pengalaman. Kepercayaan bukan sekadar kecenderungan bersifat intelek terhadap hujahan proposisi tertentu, namun ia adalah suatu tabiat sikap yang bermanifestasikan aksi atau tindakan.

Secara saintifik dan pragmatik, beliau melihat bahawa ilmu pengetahuan adalah resolusi yang sering terganggu oleh tapisan kepercayaan. Ilmu pengetahuan juga dianggap cara untuk menyeimbangkan sikap kita dalam bertindak balas terhadap keraguan. Apa yang janggal dalam falsafah beliau adalah dakwaan bahawa kebenaran tidak berkait dengan sistem kepercayaan dan tidak juga berkait dengan kejayaan dalam sesuatu tindakan. Beliau tidak menafikan bahawa kebenaran itu harus bersesuaian dengan realiti – dalam bentuk tertentu – sebagaimana terdapatnya aturan kejadian yang bersifat umum dan bebas. Namun, tanggapan dan andaian yang menjadi sumber teori pragmatik itu memerlukan pengalaman yang tersusun rapi, manakala hipotesis saintifik itu hanya dapat ditemukan dalam fenomena yang ditadbir oleh aturan-aturan.²⁸

William James (1842-1910)

William James bertanggungjawab mempopularkan Pragmatisme di seluruh dunia. Melalui karyanya seperti *Pragmatisme* (1907) dan *The Meaning of Truth* (1909), gerakan Pragmatisme seolah-olah mendominasi falsafah abad kedua puluh. Walaupun James terhutang budi dengan Peirce dalam mengembangkan Pragmatisme sebagai suatu metode, namun beliau telah mengolahnya sebagai falsafah hidup atau me‘manusia’kan Pragmatisme versi Peirce.²⁹ Jika Peirce mengemukakan pragmatisme sebagai suatu teori tentang makna, maka James pula mengolahnya sebagai suatu teori tentang kebenaran. James juga menerapkan pragmatisme dalam konteks psikologi agama. Menurutnya, jika suatu pernyataan keagamaan dapat diandaikan sebagai benar atau – dalam erti kata lain – ianya tidak terbukti salah, lantas terdapat seseorang yang dapat memperoleh manfaat dengan mempercayai pernyataan tersebut, maka orang itu dapat dijustifikasikan dalam mempercayainya. Contohnya, seorang ibu yang baru kematian anak tentu berasa lega dan selesa dengan mempercayai bahawa anaknya kini sedang berada di syurga.³⁰

Menurut James, sesuatu pernyataan itu dapat diterima sebagai benar jika ia dapat mengemukakan keterangan sah atau memberikan pengharapan – dalam erti kata jika ia berguna dan menunaikan apa yang perlu ia tunaikan –. Contohnya, jika seseorang yang sesat dalam

²⁷ Marcus Weeks, *Philosophy in Minutes* (London: Quercus, 2014), h. 324.

²⁸ Philip Stokes, *Philosophy: The World’s Greatest Thinker*, h. 170 & 171.

²⁹ Ahmad Tafsir, *Filsafat Umum: Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James* (Bandung: Penerbit PT Remaja, 1993), h. 167

³⁰ Bryan Magee, h. 18.

hutan, lantas ia menemui suatu laluan, maka ia boleh memilih sama ada mahu mempercayai bahawa laluan itu dapat menyelamatkannya untuk keluar, atau terus memutuskan bahawa laluan itu tidak dapat menyelamatkannya dari terus sesat. Apa sahaja tindakan daripada sebarang pilihan tersebut menjadikan kepercayaannya dianggap benar. Menurut James kepercayaan benar adalah apa yang berguna bagi orang yang mempercayainya.³¹

Berhubung konsep falsafah agama, James dapat menerima kebenaran agama dan rohani selama mana hal itu berfungsi dalam kehidupan manusia. Kedua-dua agama dan rohani itu berperanan secara dinamis. Agama perlu ditafsirkan sebagai suatu tujuan atau aspirasi yang memperkayakan kehidupan. Dalam hal ini, Pragmatisme meyakini kebebasan kehendak. Ia menolak pembicaraan tentang hakikat dunia tetapi lebih selesa mempelajari dunia sebagai sesuatu yang berada dalam proses – atau ke‘menjadi’an yang berterusan –. James menekankan sikap skeptik dengan meragukan apa yang diperolehi tanpa menerimanya secara dogmatik. Bagi James, falsafah sewajarnya dapat menunjukkan bagaimana manusia harus menjalani hidupnya. Pragmatisme bukan falsafah yang lengkap sebagai suatu sistem tetapi tidak lebih sebagai suatu metode yang dapat digunakan untuk mengatasi masalah secara menemukan akibat-akibat praktis yang muncul daripada penerapan sesuatu idea.

Menurutnya lagi, kebenaran harus bersifat dinamis dan humanis dalam erti mempunyai fungsi dalam kehidupan. Kebenaran adalah suatu proses pengesahan terhadap sesuatu idea. Idea hanyalah instrumen dalam proses tersebut. Jika sesuatu idea itu benar, maka ia akan berfungsi membimbing kita menuju kenyataan. Idea yang salah adalah instrumen yang tidak berperanan membimbing kita menuju kenyataan. Jika kebenaran mempunyai nilai pragmatis, maka kebenaran itu adalah nilai yang humanitis. Konsep kebenaran yang rasional semata-mata dianggap hanya bersifat abstrak dan hampa tanpa sebarang makna kehidupan.³²

John Dewey (1859-1952)

John Dewey dianggap tokoh falsafah Amerika yang paling berpengaruh pada abad kedua puluh, lantaran usahanya membangunkan sudut pandang yang tulen dan berani untuk diaplikasikan di bidang politik dan sosial. Fokus utama kajian beliau adalah proses pembelajaran manusia. Selaku pendukung teori pilihan semula jadi (*natural selection*) Darwin, Dewey juga menjadi pembela sains yang setia. Melalui anutannya terhadap pragmatisme, beliau melihat ilmu pengetahuan adalah solusi bagi masalah praktikal manusia. Epistemologi ini dianggap serasi dengan tabii manusia sebagai makhluk biologi yang sentiasa bergelut untuk terus hidup. Menurut beliau, ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang berkembang dan dipelajari melalui pengalaman berbanding sekadar sesuatu yang diulang-ulang dan dipersetujui membuta tuli. Menurut seorang pragmatis, ilmu pengetahuan bermula dengan cabaran untuk menjayakan tindak-tanduk manusia, memanfaatkan lingkungan sekitaran secara giat untuk menguji andaian hipotesis tertentu dan mempermasalahakan alasan demi mewajarkan sesuatu tindakan itu diteruskan lagi.³³ Inilah pengaruh pragmatisme yang berjaya diterapkan oleh Dewey dalam falsafah pendidikan beliau.

Sebagaimana Peirce, Dewey turut berpandangan bahawa ilmu pengetahuan dan tindakan atau teori dan praktis tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Beliau menolak tafsiran terhadap ilmu pengetahuan sebagai suatu bentuk intuisi sebagaimana yang difahami dalam tradisi falsafah. Baginya, kebenaran tidak boleh dilihat sebagai suatu imej bagi realiti yang terpisah bebas daripada konteks manusia atau peristiwa. Kebenaran sentiasa berupa tindak balas sementara semata-mata yang berkesinambungan dengan keupayaan kita dalam bertindak ketika menghadapi masalah dan situasi tertentu. Dewey membangunkan apa yang dinamakan

³¹ Marcus Weeks, h. 326.

³² Ahmad Tafsir, h. 173-175.

³³ Sharon Kaye, *Philosophy: A Complete Introduction*, h. 205, 208, 209 & 211.

sebagai “*instrumentalisme*”. Pernyataan yang benar perlu difahami sebagai instrumen yang sesuai dalam menyelesaikan masalah. Sesuatu pernyataan itu hanya dilihat benar menurut pengertian ini.³⁴

Menurut Dewey, pengetahuan bukan sekadar fakta tetapi ia lebih berupa keterangan yang sah. Sebagaimana sains membekalkan penjelasan memadai yang dapat digantikan dengan penjelasan yang baru atau yang lebih baik, maka kita juga memerlukan pengetahuan yang dapat membekalkan maklumat untuk bertindak. Pemikiran dan pembelajaran bertujuan membantu kita untuk cecal mengharungi kehidupan di dunia, bukan semestinya menjelaskan hakikat dunia kepada kita. Pengetahuan terhasil daripada proses penglibatan bersama dalam realiti hidup, bukan melalui pengamatan kita terhadapnya. Proses ini memiripi metode saintifik yang bermula dengan menghadapi masalah, menganalisis, kemudian memikirkan penyelesaian dan diakhiri dengan ujian melalui eksperimen – sama ada ia berfungsi mengatasi masalah atau perlu difikirkan solusi lain. Sebenarnya, kita hanya berfikir apabila menghadapi masalah, maka cara terbaik untuk memperolehi pengetahuan adalah melalui penglibatan aktif dalam tugas tertentu, bukan melalui teori atau pembelajaran.³⁵

Menurut Dewey, terdapat dua keunggulan sains yang amat memukau dirinya iaitu: i) sains lebih memberikan pengharapan berbanding pengetahuan kita di bidang lain, ii) sains lebih bermanfaat kepada kita dengan memberikan kesan berbeza dalam hidup. Beliau berpandangan bahawa proses mengetahui adalah akitiviti manusiawi. Menurutnya, semua penyiasatan harus berorientasikan proses penyiasatan dan penyelidikan sains. Pengetahuan dan daya saing dalam segenap bidang hanya dapat berkembang menerusi prosedur khusus yang digunakan, jenis pembuktian, metode ujian dan sebagainya. Baginya, pendidikan harus berdasarkan pendekatan penyelesaian masalah dan belajar dengan melakukan. Metode ini dianggap berpotensi memupuk anak-anak berdaya imaginasi dan berdaya saing dalam segenap lapangan aktiviti manusiawi.³⁶

Perspektif Kritis Menurut Pemikiran Islam

Secara kritis, neraca hakikat kebenaran itu tidak mungkin terbatas dalam ruang sempit yang direlai oleh pragmatis dalam alam nyata dan kkejayaan praktis semata-mata. Telah berlangsung sejak sekian lama, mereka yang beragama mempercayai sesuatu tanpa mengkaji kesan-kesan praktis di sebaliknya. Hal ini membuktikan bahawa tabii beragama itu tetap memperakui nilai kepercayaan terhadap sesuatu itu sekalipun tidak terbukti kesan langsung dan nyata daripada sikap beragama tersebut. Pragmatisme merendahkan nilai agama yang dianggap tertakluk kesahihannya kepada kadar pulangan manfaat yang diperolehi dalam mempercayai sesuatu.³⁷

Justeru, Pragmatisme adalah pemberontakan terhadap teori pengetahuan. Sesuatu itu tidak lagi dikenali melalui hakikat dirinya sendiri. Bagi Pragmatisme, idea tentang diri sesuatu itu adalah kabur. Kekaburan itu lenyap apabila aspek penunaian positif atau negatifnya tersingkap. Konsep dan makna sesuatu itu hanya terbatas kepada skop kesan-kesan praktis yang terhasil daripadanya. Hakikat itu adalah apa yang menjurus kepada kejayaan hidup. Kepercayaan yang benar adalah apa yang berakhir dengan tercapainya kehendak dan tujuan praktis kita. Tidak wujud hakikat yang mutlak. Sebaliknya, wajah hakikat itu adalah serba pluralistik menurut manfaat individu. Seolah-olahnya, hakikat itu menerima idea yang asing atau eksternal, bukan suatu yang bersifat dalaman atau internal.³⁸

³⁴ Christoph Delius, h. 95.

³⁵ Marcus Weeks, 332.

³⁶ Bryan Magee, 10 & 1991.

³⁷ Mahmud Ahmad Khafaji, *Muhadarat fi al-Mantiqiyah al-Wad`iyyah wa al-Brajmatiyah* (T.tp.: T.pt., 1999), h. 75 & 76.

³⁸ Hadi Fadl Allah, *al-Sufusta`iyyah: bayn al-Wujudiyyah wa al-Braghmatiyah* (Beirut: Dar al-Hadi, 2008), h. 156-158.

Menurut ukuran pragmatisme, apabila terdapat banyak pendapat yang saling bertentangan, maka pendapat yang paling benar adalah yang paling berguna dan menguntungkan – yaitu manfaatnya dapat dibuktikan oleh pengalaman praktis. Sebaliknya, idea yang tidak memiliki nilai praktis dianggap ungkapan kosong yang tidak bernilai. Dalam konteks ini, kebenaran distatuskan sebagai “penciptaan suatu yang baru”, bukan sebagai “penemuan suatu yang sedia ada”. Ini membingungkan makna kebenaran itu sendiri. Kebenaran tidak lagi bercirikan ungkapan bagi apa yang ada.

Justeru, hakikat kebenaran itu lebih berupa ciptaan idea, lebih daripada sesuatu yang berciri menetap bagi idea yang perlu disingkap. Seolah-olahnya, sebelum tersingkap nilai praktis sesuatu idea, konsep atau kepercayaan itu, maka tiada nilai sahih atau palsu baginya. Dari sudut yang lain pula, hakikat kebenaran itu sentiasa berubah dan berkembang menurut lingkungan masa, situasi dan lokasi. Ia tunduk kepada latar pelbagai yang dihadapi oleh manusia. Nilai kebenaran dan kepalsuan dianggap nisbi dan relatif, bukan sabit dan statik.

Berhubung implikasi sosial pula, kegunaan praktis yang menjadi ukuran kebenaran menurut pragmatisme adalah kabur. Timbul persoalan, kegunaan praktis tersebut melibatkan manfaat siapa – individu atau kelompok –? Ianya eksklusif milik siapa dan apakah batas lingkungannya? Jika manfaat individu menjadi pra-syarat kebenaran, sudah tentu nilai kebenaran itu saling berbeza antara satu sama lain dengan kepentingan individu-individu. Jika demikian, timbul kekacauan sosial yang mengerikan tatkala setiap individu memilih dan menentukan nilai kebenaran menurut persepsi masing-masing tanpa menghiraukan persepsi orang lain.

Perspektif Islam jelas dan tegas menolak falsafah Pragmatisme yang mengasaskan alasan penerimaan sesuatu kepercayaan itu kepada maslahat dan kepentingan yang menyusulinya semata-mata. Sebaliknya, Islam menggesa manusia menelusuri dan menjejaki laluan yang dapat mengenalkannya kepada hakikat tanpa dicelahi nafsu dan kepentingan diri sehingga menatijahkan kesudahan yang meyakinkan atas nama iman. Hal ini merujuk kepada firman Allah dalam Surah al-Isra', ayat 36 yang bermaksud: “*Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya, pendengaranpenglihatan dan hati nurani, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya*”. Iktikad kepercayaan bukanlah ‘metode’, sebaliknya ianya adalah ‘hasil dapatan’ daripada ‘metode’. Maka, bagaimanakah ianya boleh dikalihkan sebagai ‘metode’ jika tidak kerana kebebalaan hawa nafsu dan kepalsuan hujah sofis para pendukung Pragmatisme tersebut?

Muhammad Baqir al-Sadr, *Falsafatuna* (terj. Smith Alhadar) (Bandung: PT Mizan, 2014), h. 212 & 213.

¹ Muhammad Mahran Rashwan, h. 72 & 73.

¹ Al-Sadr, h. 213.

¹ Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *al-Din wa al-Falsafah* (Dimashq: Maktabah al-Farabi, 1994), h. 27 & 28.